

26 JUN 2003

Mustapa-Pinjaman

MALAYSIA ANTARA NEGARA BERI BANTUAN ISTIMEWA KEPADA PENIAGA KECIL

RANTAU PANJANG, 26 Jun (Bernama) -- Kerajaan Malaysia merupakan antara segelintir negara yang memberi tumpuan utama kepada peniaga kecil yang kebanyakannya daripada kalangan bumiputera melalui peruntukan yang besar.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed berkata kerajaan persekutuan melalui Pakej Strategi Baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lepas menmperruntukkan sebanyak RM2,200 juta untuk membantu beribu-ribu peniaga kecil seluruh negara yang kemungkinan terancam oleh krisis ekonomi dunia.

"Kerajaan menyediakan begitu banyak peruntukan dan pinjaman mudah melalui kerjasama bank-bank dan institusi kewangan kepada peniaga kecil," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Terdahulu Mustapa merasmikan penutupan taklimat Skim Kredit Mikro yang dianjurkan oleh Bank Pertanian Malaysia dan Bank Simpanan Nasional kepada kira-kira 1,000 peniaga kecil yang berniaga di Kompleks Bebas Cukai Rantau Panjang di sini.

Katanya pinjaman mudah yang bernilai antara RM5,000 dan RM20,000 tidak memerlukan peniaga membuat cagaran atau mencari penjamin sebaliknya mereka hanya perlu menjadi ahli kepada persatuan peniaga-peniaga yang ditetapkan.

"Dahulu terlalu banyak syarat ditetapkan untuk mendapatkan pinjaman tetapi kini semua proses berkaitan telah dipendekkan," katanya.

Menurutnya Dr Mahathir sendiri turut memberikan tumpuan khas bagi membantu nasib peniaga kecil apabila mengarahkan supaya bank dan institusi yang terlibat membantu peniaga kecil supaya mempercepatkan proses kelulusan dan pemberian kredit kepada mereka yang membuat permohonan.

Beliau berkata bahawa sejak skim bantuan itu diperkenalkan, sambutan peniaga kecil untuk mendapatkan kredit adalah tinggi.

Ditanya mengenai terdapat persatuan-persatuan yang mengenakan bayaran tertentu kepada ahlinya bagi memudahkan proses permohonan kredit, Mustapa berkata jika perkara itu berlaku, individu yang terlibat perlu membuat laporan supaya tindakan boleh dikenakan kepada persatuan itu.

Mustapa mencadangkan supaya lebih banyak taklimat diberikan kepada peniaga-peniaga kecil.

-- BERNAMA

RAR MAI